

23 JUL 1999

Samy-BN

KEKUATAN BN BERTAMBAH KUKUH DENGAN PERDAMAIAN, KATA SAMY VELLU

PELABUHAN KLANG, 23 Julai (Bernama) -- Perdamaian antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dan Ketua Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah akan memperkukuhkan lagi Barisan Nasional (BN) terutama di Kelantan, Kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Samy Vellu berkata beliau amat gembira apabila melihat permusuhan politik antara mereka akhirnya selesai, memberikan laluan bagi kedua-dua pemimpin menumpukan terhadap tugas mereka dalam menjana kemakmuran di negeri itu dan negara.

"Apabila saya membaca surat khabar hari ini, saya berasa amat lega dan gembira buat mereka," katanya kepada pemberita pada persidangan berita selepas melawat jalan raya bernilai RM306.5 juta yang baru siap, menghubungkan dari sini ke Pelabuhan Barat di Pulau Indah.

Beliau diminta mengulas inisiatif kedua-dua pemimpin itu saling meminta maaf semalam terhadap kesalahan mereka pada masa lalu pada perjumpaan bersejarah di Hotel Diamond Puteri yang baru dibuka di Kota Bharu.

Kedua-dua mereka berjabat tangan dengan erat dan berkata mereka akan melupakan perkara yang lepas dan akan saling bekerjasama untuk memajukan lagi negara ini.

Samy Vellu juga mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir kerana melantik Tengku Razaleigh sebagai ketua Umno Kelantan.

Beliau berkata pelantikan Tengku Razaleigh sebagai ketua perhubungan amat bermakna, sebagai anak tempatan daripada kerabat diraja Kelantan.

Oleh kerana persengketaan antara mereka sudah berakhir, Samy Vellu berkata Tengku Razaleigh dapat meneruskan tanggungjawabnya untuk menawan semula negeri itu daripada PAS dengan tenang.

-- BERNAMA

KM RHM RON